

05 OCT 2000

Jalan-Nama

JALAN TUN RAZAK, 'JALAN KEBANGSAAN' TIDAK RASMI

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Jalan Tun Razak, yang diberikan nama sempena perdana menteri kedua Malaysia, allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dianggap oleh orang tempatan dan asing sebagai "lorong diplomatik" kerana kehadiran beberapa kedutaan asing di sepanjang jalan itu.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, jalan itu bukan sahaja merupakan antara jalan paling sibuk di bandar raya ini tetapi juga jalan paling panjang yang menempatkan sebahagian "kebanggaan" negara.

Terdapat sekurang-kurangnya tujuh institusi kebangsaan dibina di sepanjang jalan itu, termasuk Institut Jantung Negara, Bernama, Perpustakaan Negara, Istana Budaya dan Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Bangunan terbaru yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah Balai Seni Lukis Negara pada 27 Sept lalu.

Tidak lama lagi Tabung Darah Negara akan beroperasi di bangunan baru yang terletak bersebelahan Balai Seni Lukis Negara.

Seorang jurucakap Pusat Darah Negara berkata pembinaan bangunan itu telah siap dan kakitangan daripada bahagian pentadbiran telah berpindah manakala bakinya akan berpindah secara berperingkat-peringkat.

Beliau berkata operasi keseluruhan pusat itu dijangka dimulakan pada akhir tahun ini.

Selain itu, kedutaan Amerika Syarikat, Singapura dan Indonesia ditempatkan di sepanjang jalan itu.

Mercu tanda yang lain yang dibina di sepanjang atau berhampiran jalan itu ialah bangunan Tabung Haji, Pusat Dagangan Dunia Putra, Hospital Kuala Lumpur dan Kelab Golf Diraja Selangor.

Sememangnya, Jalan Tun Razak menjadi satu kebangsaan negara sehinggakan ia diberikan status sebagai "jalan kebangsaan".

-- BERNAMA

AR ES AKD